

Headline	Azlan jamin infrastruktur selamat		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	06 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	314,321
Page No	60	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	184 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,770
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,310



Azlan jamin infrastruktur selamat

Kangar: Menteri Besar Perlis, Azlan Man memberi jaminan infrastruktur dan kemudahan selamat untuk kegunaan Sukan Malaysia ke-17 (Sukma) kerana disediakan mengikut spesifikasi.

Dia berkata, kerajaan negeri tidak bertolak-ansur dalam memastikan projek disiapkan mengikut jadual bagi menjamin keselamatan atlet dan orang ramai.

"Tidak terdapat sebarang perubahan skop pekerjaan dan spesifikasi sepanjang tawaran dibuat bagi menyiapkan kemudahan terbabit se-

belum sukan diadakan dua tahun sekali itu bermula pada 24 Mei.

"Insya Allah semua kemudahan itu selamat untuk digunakan," katanya selepas menyaksikan majlis Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksanaan projek MSN menyerahkan gelanggang tinju, gelanggang tenis, hostel dan pejabat Majlis Sukan Negeri (MSN) kepada MSN, semalam.

Pengarah JKR Perlis, Ir Azizan Abdul Rahman menyerahkan replika kunci tiga kemudahan bernilai RM2 ju-

ta terbabit kepada pengarah MSN, Muhd Azahari Ramli.

Menurut Azlan, kolam renang dan sembilan kemudahan lain termasuk gelanggang badminton, gelanggang skuasy, stadium utama dan kelab golf kini siap sepenuhnya dan kontraktor dijangka menyerahkannya kepada MSN sebelum hujung bulan ini.

"Semua infrastruktur masih di bawah tempoh tanggungan jadi kontraktor masih bertanggungjawab terhadap sebarang kelemahan," katanya.

Dia berkata, kebanyakan

kemudahan sedia masih boleh digunakan kecuali beberapa yang perlu di naik taraf.

Dari segi kemudahan penginapan, dia berkata Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Teknologi Mara di Arau memiliki kemudahan sebagai penginapan utama untuk lebih 6,500 atlet dan pegawai sepanjang Sukma berlangsung.

Azlan berkata dia turut berpuashati dengan kualiti dan projek pembinaan untuk Sukma yang dipantau oleh JKR. - BERNAMA



AZLAN (tengah) memotong riben sebagai simbolik perasmian Pejabat MSN.